

14 OGOS 2017

11,368 saman dikeluarkan dalam tiga hari operasi bersepadu

Ms.78 MN Isnin, 14 Ogos 2017 BH

→ WILAYAH

11,368 saman dikeluarkan dalam tiga hari operasi bersepadu



Mustafa Bakri Salleh

➔ 580 anggota terbabit memeriksa kenderaan di 11 lokasi sepanjang lebuh raya PLUS, LPT

Oleh Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 11,368 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam tempoh tiga hari pelaksanaan operasi bersepadu oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) serentak di seluruh negara, berakhir tengah malam tadi.

Operasi bermula pada Khamis lalu dan berakhir jam 12 tengah malam kelmarin, dijalankan di 11 lokasi sepanjang lebuh raya utara selatan membabitkan lima zon iaitu Utara, Selatan, Tengah A dan B serta Lebuh raya Pantai Timur (LPT).

Operasi turut disertai agensi penguatkuasaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta dibantu syarikat konsesi PLUS Malaysia Berhad, dengan kekuatan keseluruhan 580 pegawai dan anggota.

Tumpuan kepada penunggang motosikal

Ketua Penolong Penguat Kuasa JSPT Bukit Aman, Superintendan Mustafa Bakri Salleh, berkata operasi bertujuan mendidik pengguna jalan raya mematuhi peraturan selain mengkaji kesalahan yang sering dilakukan mereka hingga mengundang kepada kemalangan.

"Dalam operasi ini, fokus diberikan kepada penunggang motosikal selain tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang memandu melebihi had laju, pemeriksaan kenderaan perdagangan, Op Lampu Isyarat dan Op Mabuk serta kesalahan lain.

12,402 kenderaan diperiksa

"Sebanyak 12,402 kenderaan diperiksa sepanjang tiga hari operasi dan kami mengeluarkan 11,368 saman dengan kebanyakannya membabitkan kesalahan memandu melebihi had laju," katanya pada sidang media ketika meninjau operasi di Plaza Tol Jalan Duta, malam kelmarin.

Mustafa berkata, seramai 23 individu ditahan AADK selepas saringan air kencing mendapati positif dadah membabitkan 14 pemandu lori, lapan penunggang motosikal dan seorang kelindan lori.

Tangkapan dadah turut dibuat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) ke atas 11 individu iaitu lapan pemandu kereta dan pemandu lori (dua) dan seorang pemandu pikap.

"Sebanyak 36 kenderaan diperiksa SPAD dengan dua kertas siasatan dibuka terhadap dua pemandu bas yang memandu melebihi had laju dan JAS mengeluarkan 14 notis dan empat kompaun. Jabatan Imigresen pula menahan 24 pendatang asing," katanya.